# Harga mahal tapi berbaloi

## Sebanyak 2,000 anjing, kucing dibawa ke Irion setiap bulan

> Dari muka 16

"Ada pihak beranggapan untuk membelanjakan wang sebanyak ini pada haiwan peliharaan sebagai tindakan orang hilang akal tetapi kami memberikan pemeriksaan kesihatan setiap hari, persekitaran bersih, bilik hotel yang besar dan ruang untuk haiwan ini bersenam. Saya pasti harga yang kami tawarkan bukanlah mahal sangat.

"Untuk klinik, kami mempunyai doktor yang pakar untuk setiap anggota badan haiwan. Malah kami juga ada doktor haiwan perubatan herba dan peralatan berteknologi tinggi yang tidak dimiliki hospital kecil," kata Park.

Walaupun ramai beranggapan harga yang dikenakan Irion agak mahal, Park berkata kira-kira 2,000 anjing dan kucing dibawa ke pusat itu setiap bulan bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan. Pada cuti musim panas, semua bilik hotel penuh.

Cho, 19, tidak kisah mengenai harga yang perlu dibayar ketika mengambil anjingnya yang sudah berbau harum selepas dimandikan.

"Hospital ini besar dan bersih. Saya suka dan bercadang datang ke sini setiap dua minggu untuk memandikan anjing saya," katanya.

Pelanggan lain, Lee Ji-Hyun berkata, harga yang dikenakan bukan satu isu besar dengan perkhidmatan dan penjagaan diberikan di situ.

"Perkhidmatan di sini bagus dan 'bayi' saya suka berada di sini," katanya merujuk kepada dua anjing terrier Malta dan Yorkshire.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penduduk Korea Selatan yang semakin mewah dan moden mula menjadikan anjing sebagai teman. Jabatan Pentadbiran Pembangunan Luar Bandar menganggarkan industri haiwan peliharaan di Korea Selatan kini bernilai 1.8 trilion won (RM5 bilion) pada 2010 dan ia dijangka meningkat sebanyak 11 peratus setahun.

Menurut perangkaan rasmi, hampir 20 peratus rumah mempunyai haiwan peliharaan dan kira-kira 95 peratus daripadanya memelihara anjing. Bagaimanapun, Park berkata, negara masih jauh ketinggalan dalam industri haiwan peliharaan.

"Pertumbuhan industri haiwan peliharaan di Korea agak perlahan kerana ia mempunyai tradisi yang unik, seperti haiwan peliharaan hanya boleh dibela di luar rumah. Ada sesetengah pemilik bertindak ekstrem," katanya merujuk kepada golongan yang makan daging anjing.

Bagaimanapun katanya, keadaan kini sudah jauh berubah. Budaya makan daging anjing adalah budaya lama di Korea Selatan yang masih diamalkan. Namun kini semakin ramai penduduk Korea Selatan membantah amalan ini dan menganggapnya sebagai perkara yang memalukan.

Pada Jun tahun lalu, Persatuan Anjing Peladang Korea membatalkan rancangan mengadakan festival daging anjing berikutan bantahan daripada pencinta haiwan. Jabatan Pentadbiran Luar Bandar berkata, penduduk Korea mula melihat anjing sebagai teman sepanjang hayat dan tidak lagi menganggapnya seperti barang mainan. Mereka kini mula melayan anjing dengan lebih baik seperti ahli keluarga.

Pun begitu, kata Park, masih ada ruang bagi penambahbaikan dalam petiquette (etika haiwan peliharaan) seperti selalu menggunakan petunjuk untuk aktiviti luar rumah dan latihan supaya anjing lebih mematuhi arahan.

"Pemilik haiwan masih perlu belajar petiquette kerana saya rasa kita masih jauh di belakang dalam 'budaya haiwan peliharaan' berbanding negara lain seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

"Apa yang lebih menyedihkan, sampai sekarang masih banyak anjing dan kucing yang dijadikan hadiah sempena Krismas dan Hari Kanak-kanak sedangkan orang sepatutnya menimbangkan apakah si penerima cukup bertanggungjawab untuk memelihara haiwan," katanya.

Park kini mengendalikan empat kompleks Irion dan empat lagi pusat yang hanya memberikan perkhidmatan rawatan veterinar. Menurut wanita pencinta haiwan itu, dia bercadang membuka lebih banyak cawangan dalam masa terdekat. - AFP



**PERIKSA...**pemeriksaan kesihatan dilakukan setiap hari ke atas haiwan yang bermalam di 'hotel'.